

15 OCT 2003

OIC-Bahrain

BAHRAIN HARAP SIDANG KEMUNCAK OIC KE-10 PERKUKUH KERJASAMA

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Bahrain berharap Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam OIC ke-10 yang sedang berlangsung akan menyediakan peluang yang baik kepada negara-negara anggotanya untuk memperkukuhkan hubungan kerjasama bagi manfaat bersama dunia Islam.

Perdana Menteri Bahrain Sheikh Khalifa Salman Al Khalifa berkata beliau yakin Malaysia dan wawasan jauh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta pengalaman luasnya akan menyumbang ke arah kejayaan sidang kemuncak itu serta mencapai matlamat yang dihasratkan oleh semua negara Islam.

Sheikh Khalifa berkata beliau bersedia untuk berbincang lebih lanjut hubungan antara Bahrain dan Malaysia yang telah membawa banyak kemajuan sejak beberapa tahun lepas.

"Saya ingin merakamkan setulus penghargaan kepada Dr Mahathir, kerajaan dan rakyat Malaysia kerana menganjurkan sidang kemuncak ini dan layanan baik yang diberikan.

"Saya dengan berbesar hati juga ingin menyampaikan salam kepada kerajaan dan rakyat Malaysia daripada Raja Sheikh Hamad Isa Al-Khalifa dan kerajaan serta rakyat Bahrain di atas kejayaan menganjurkan sidang kemuncak yang penting ini," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan setibanya beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang, dekat sini.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Dr Mahathir di atas kepimpinannya yang unggul dan amat berjaya, ketokohnya sebagai pemimpin Islam serta merupakan suara yang paling berkesan dalam memperjuangkan hak negara-negara membangun.

"Tidak banyak negarawan yang dapat menoleh ke belakang bagi melihat kerjaya panjangnya yang amat berjaya dalam berkhidmat kepada negara, wilayah, agama dan warga dunia yang lain.

"Kami mengucapkan selamat bersara kepada Dr Mahathir dan berharap terus berpeluang memperolehi manfaat yang berterusan daripada nasihatnya yang bijaksana serta semangat setiakawan di masa depan," kata Sheikh Khalifa.

-- BERNAMA

SR MKO ROS